

AGM Umno: Medan uji idea Najib hanya mahu calon boleh menang
The Malaysian Insider
16 November , 2011
Oleh Zabidi Saidi

KUALA LUMPUR, 16 Nov — Demam pilihan raya nampaknya berlarutan. Ubatnya sedang dicari.

Di sana sini orang membincangkannya secara terbuka. Malah sudah tersebar si polan dan si polan bakal menjadi calon. Yang menyandang jawatan yang susah hati sama ada akan dicalonkan semula atau tidak.

Jika mereka dipilih semula ini bermakna KPI mereka amat memuaskan hati pucuk pimpinan parti dari segi turun padang, perkhidmatan kepada rakyat dan sebagainya. Sebaliknya, jika mereka tidak dicalonkan ini bermakna pucuk pimpinan tidak berpuas hati dengan KPI mereka.

Kenyataan Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan (gambar) bahawa alangkah ruginya jika Perhimpunan Agung Umno (AGM) pada penghujung bulan ini tidak membincangkan strategi pilihan raya, ada juga benarnya. AGM merupakan platform terbaik untuk membincangkannya secara serius untuk menawan kerusi yang kalah dan mengekalkan kerusi yang menang.

Seperti kata pemimpin veteran Tengku Razaleigh Hamzah, dalam Umno kini sudah tiada kebebasan bersuara. Beranikah perwakilan Umno menegur pucuk pimpinan secara terbuka dalam perhimpunan agung nanti?

Sudah tentu ramai yang mengampu kerana bimbang tak dapat jadi calon jika mengkritik pucuk pimpinan. Bersediakah pemimpin menerima teguran para perwakilan? Ini yang menimbulkan pertanyaan.

Strategi apa yang mahu dibincangkan? Perlukah strategi ini dibincangkan secara terbuka? Kalau dibincang secara terbuka, ia bukan sudah strategi lagi apabila parti pembangkang sudah mengetahui strategi Umno yang menjadi tonggak Barisan Nasional (BN).

Strategi BN tidak perlu dibincangkan secara terbuka. Yang perlu dibincangkan sejauh mana ahli Umno mahu merampas kembali negeri-negeri dikuasai Pakatan - Kelantan, Pulau Pinang, Selangor dan Kedah.

Ada yang berpendapat lupakanlah negeri Kelantan dan Pulau Pinang. Mereka berpendapat BN sukar menawan kembali Kelantan selagi Datuk Nik Aziz Nik Mat bertanding.

Malah ada yang berkata ketua-ketua Umno bahagian di Kelantan lebih suka BN kalah kerana jika mereka menang, mereka akan kehilangan peruntukan. Di zaman kalah ini mereka dapat peruntukan di bahagian masing-masing. Sebab itu ramai yang berebut jawatan ketua bahagian kerana mahu kawal peruntukan yang dating dari kerajaan pusat.

Mereka lebih rela BN kalah. Jika BN bentuk kerajaan di Kelantan, ketua bahagian akan tidak dapat mendapat peruntukan lagi kerana peruntukan disalurkan kepada pejabat jajahan.

Peluang BN untuk rampas kembali Pulau Pinang juga gelap kerana orang Cina tidak akan

kembali kepada Gerakan. Apatah lagi imej Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sudah 'tercalar' dengan desakan supaya berundur. Bagaimana Gerakan mahu merampas kembali kerusi DAP dalam suasana sesama pemimpin Gerakan bertelagah.

Umno boleh mengekalkan semua kerusi di Pulau Pinang tetapi tidak mencukupi untuk memerintah Pulau Pinang.

Alangkah ruginya kalau wang yang ditabur untuk menawan Kelantan dan Pulau Pinang berlalu begitu sahaja tanpa sebarang kemenangan. Sebab itulah lebih baik wang itu dihantar ke Selangor dan Kedah untuk merampas kedua-dua negeri itu.

Harapan BN untuk menang di Selangor dan Kedah lebih cerah jika BN meletakkan calon-calon baru yang belum tercemar dengan persepsi berasuah.

Ramai pemimpin Umno Selangor dan Kedah sudah ada macam-macam panau di badan mereka. Jadi rakyat tidak akan memilih mereka semula walaupun mereka rajin turun padang.

Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak seringkali menyebut tentang calon-calon boleh menang. Tidak semestinya ahli jawatankuasa bahagian yang dipilih sebagai calon. BN wajar menonjolkan calon yang boleh menang tidak kira siapa asalkan mereka popular di kalangan rakyat.

BN patut mencontohi PKR yang meletakkan bukan ahlinya menjadi calon pada pilihan raya umum lalu.

Berani BN meletakkan Zulkifli Nordin bertanding sebagai calon BN di Kulim-Bandar Baru walaupun beliau tidak masuk Umno? Jika beliau berhadapan satu lawan satu dengan calon PKR, Zulkifli ada peluang untuk menang. Begitu juga jika BN meletakkan Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali menentang calon PAS di Pasir Mas.

Berani BN meletakkan Datuk Dr Hasan Ali sebagai calon BN di Gombak Setia menentang calon PAS jika PAS menggugurkan beliau? Inilah yang wajar difikir oleh Najib mengenai calon boleh menang.

BN perlu berani buat perubahan dalam pemilihan calon.

Tidak semestinya ahli Umno menjadi calon. Bila calon-calon di luar Umno ini menang, barulah mereka menyertai Umno.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-umno-medan-uji-idea-najib-hanya-mahu-calon-boleh-menang/>